

Memperteguh Kebitaraan Pascatipikal



**Datuk Haji Abang Sallehuddin
Abg. Shokeran**
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)
Dewan Bahasa Dan Pustaka

“ Dalam situasi sekarang ini, peranan DBP semakin luas bahkan semakin penting untuk menghadapi keadaan yang memerlukan kita bergerak sesuai dengan perubahan dan keperluan semasa. Perkara yang perlu diteliti ialah usaha kita untuk terus memastikan bahasa Melayu ini terus menjadi bahasa ilmu. ”

Dalam kalangan pencinta bahasa dan sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka bukan asing. Namanya terpahat dalam sejarah negara sebagai sebuah institusi yang giat mengembangkan dan menyebarkan bahasa dan kesusasteraan. Namun, kegemilangan dahulu harus disemarakan dengan usaha dan daya inovasi kreatif yang berterusan. Jika hal ini dapat dilakukan, tidak mustahil Dewan Bahasa dan Pustaka akan terus mendapat tempat dalam kalangan masyarakat.

Dalam suasana dan zaman teknologi kini, Dewan Bahasa dan Pustaka harus meniti titian baharu untuk melahirkan penulis berwibawa yang dapat menyuburkan budaya keilmuan. Selain itu, Dewan Bahasa dan Pustaka juga harus mendekati generasi muda yang merupakan pemangkin yang menggagalkan idea baharu. Oleh itu, *Dewan Bahasa* menemu bual Datuk Haji Abang Sallehuddin bin Abg. Shokeran, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) Dewan Bahasa dan Pustaka bagi mendapatkan pandangan beliau tentang gagasan dan wawasan Dewan Bahasa dan Pustaka untuk mendepani zaman teknologi tinggi.

DB: Pertama-tama, rakaman ucapan tahniah atas lantikan YBhg. Datuk sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), Dewan Bahasa dan Pustaka. Sebagai pembuka bicara, apakah visi dan misi YBhg. Datuk dalam memantapkan hala tuju DBP sebagai sebuah organisasi yang diamanahkan untuk memartabatkan bahasa dan sastera kebangsaan di samping menyemarakkan kegiatan penerbitan?

Terima kasih. Pertama-mula misi dan visi kita ialah untuk meningkatkan penggunaan bahasa Melayu dalam negara, bertepatan dengan wawasan DBP untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai salah satu bahasa utama dunia. Hal yang sedemikian inilah perjuangan yang sedang kita sama-sama pikul dan harus dijadikan keutamaan. Perkara ini jelas dinyatakan dalam Pelan Tindakan Strategik Dewan Bahasa dan Pustaka 2016-2021. Kita telah menggariskan beberapa perkara dan strategi serta program bagi memastikan DBP mencapai matlamat penubuhannya yang memberikan fokus kepada tiga perkara besar, iaitu bahasa, sastera, dan penerbitan.

Satu lagi harapan saya sudah tentulah untuk mendukung dan menyokong Ketua Pengarah bersama-sama Lembaga Pengelola dan seterusnya menggerakkan tenaga kerja DBP menjadi satu pasukan kerja yang kuat, mantap, dan bersatu, bagi memastikan dan merealisasikan program yang kita rancang. Tidak ada perkara yang lebih penting selain kita bekerja sebagai satu pasukan dan membina suasana kerja yang kondusif dan menyeronokkan. Hal yang sedemikian ini akan

memugar semangat kita untuk berkhidmat sebaik mungkin. Selain itu, kita juga akan terus membina kepakaran untuk mengatasi beberapa perkara yang perlu kita tangani, baik soal bahasa, sastera dan penerbitan.

DB: Sejak akhir-akhir ini, sering kita baca dalam akhbar arus perdana, laman maya serta mendengar melalui media elektronik isu tentang peranan DBP yang semakin mengecil disebabkan beberapa dasar tertentu yang diperkenalkan, sama ada pada peringkat kerajaan persekutuan maupun negeri. Apa respons YBhg. Datuk berhubung perkara tersebut?

Dalam situasi sekarang ini, peranan DBP semakin luas bahkan semakin penting untuk menghadapi keadaan yang memerlukan kita bergerak sesuai dengan perubahan dan keperluan semasa. Perkara yang perlu diteliti ialah usaha kita untuk terus memastikan bahasa Melayu ini terus menjadi bahasa ilmu. Hal yang sedemikian merupakan suatu tanggungjawab dan peranan yang sangat penting yang perlu dipikul oleh DBP. Untuk memastikan ini berlaku, kita tidak boleh bertindak sendirian. Kita perlu meluaskan jalinan kerjasama dan sinergi dengan pelbagai pihak, terutama dengan Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan badan penyelidikan profesional seperti yang telah kita lakukan. Hal yang sedemikian ini merupakan gerakan yang sedang kita laksanakan. Oleh sebab itu, untuk mengatakan peranan DBP semakin mengecil itu tidak benar, sebenarnya. Bahkan, dalam keadaan sekarang, kita perlu memainkan peranan yang

lebih besar dan agresif. Sekarang, bukan isu bahasa sahaja yang menjadi perbincangan atau pun hadapi masalah tetapi semua segi dan aspek kehidupan pun begitu. Dalam keadaan dunia yang semakin mencabar, soal ekonomi dan perpaduan misalnya, turut menghadapi suasana pasang surut disebabkan keadaan realiti yang berlaku. Kita harus menerima hakikat bahawa keadaan dunia semakin terbuka dan meluas. Semua bahan maklumat dan komunikasi di dunia ini semakin mudah diperolehi dan keadaan ini mempengaruhi cara manusia berfikir, termasuklah soal bahasa dan sastera. Kita harus menangani keadaan ini dengan cara yang betul dan bijaksana.

Keadaan sekarang tidak sama seperti tahun-tahun dahulu. Orang selalu bernostalgia, membandingkan keadaan DBP sekarang dengan dahulu. Misalnya, isu tidak ramai lagi karyawan datang ke DBP. Dari satu segi kita menerima hakikat itu, tetapi hal yang sedemikian berlaku mengikut peredaran zaman. Dahulu penulis datang berjumpa editor untuk menyerahkan karya atau urusan lain, tetapi sekarang ini kemajuan teknologi memudahkan. Terdapat aplikasi seperti *whatsapp*, *email*, dan sebagainya dan ditambah kesibukan masing-masing, keadaan ini membataskan penulis untuk datang. Oleh sebab itu, kita lihat jarang-jarang penulis ataupun penggiat budaya datang ke DBP. Hal yang sedemikian kita fahami kerana keadaan sudah berubah.

Apabila kita menghadapi situasi ini, kita juga melakukan perubahan. Jika tidak ramai penulis datang ke DBP, kitalah yang menghubungi mereka dan merapatkan diri dengan mereka.

Hubungan begitu yang perlu kita teruskan. Kita tidak perlu memisahkan diri kita daripada penulis. Kita mengadakan pelbagai program di DBP supaya hubungan kita dengan masyarakat luar akan sentiasa terjalin dan dalam keadaan baik.

DB: Seperti yang kita sedia maklum, bahasa dan sastera merupakan dua daripada tiga fungsi teras DBP. Untuk menjamin kejayaan pelaksanaan fungsi teras ini, DBP tidak boleh menyisihkan diri dari masyarakat. Malah, dokongan dan sokongan masyarakat amat penting untuk mencapai kejayaan itu. Apa pendapat Datuk tentang hal yang sedemikian ini dan apakah pendekatan yang bijak yang perlu dilakukan untuk mengembalikan keyakinan masyarakat yang didakwa kian terhakis?

Kita tidak menyisihkan diri daripada masyarakat. Suatu konsep yang cuba kita laksanakan ialah usaha untuk merakatkan DBP. Organisasi kerajaan sifatnya sentiasa mendekati rakyat. DBP ditubuhkan untuk rakyat. Saya selalu tegaskan bahawa kewujudan kita di sini kerana kita diperlukan untuk membantu pelanggan kita. Siapa pelanggan kita? Sudah tentu penulis, orang yang menggunakan bahasa Melayu, pegawai kerajaan, persatuan penulis dan sebagainya yang harus kita jaga

hubungannya. Kita mesti memastikan agar harapan rakyat itu kita penuhi, walaupun kita tahu ada batasan-batas

tertentu. Kita mesti berusaha untuk memenuhi keperluan dan tuntutan penulis yang munasabah dan perlu menanganinya dengan cara yang baik dan bijaksana.

DB: DBP baru-baru ini menyambut ulang tahun ke-60 penubuhannya, satu tempoh yang amat panjang dan penuh cabaran. Apakah tidak mungkin, dalam tempoh yang sedemikian panjang, sudah sampai ketikanya ditampilkan "wajah baharu" DBP dengan gagasan baharu yang mampu mengujia semangat masyarakat untuk berganding bahu dengan DBP dalam perjuangannya memartabatkan bahasa dan sastera kebangsaan, di samping menyemarakkan produk penerbitannya?

Ya, memang kita sudah mencapai usia 60 tahun penubuhan. Usia 60 tahun ini, bagi sesuatu organisasi ialah usia matang. Maknanya, telah banyak peristiwa, perkara, dan pengalaman yang kita lalui. Kita mesti bersedia untuk berubah, meremajakan diri dan menyesuaikan diri dengan keadaan. Sekarang ini, DBP mesti banyak mendekati diri dengan remaja, orang muda, dan generasi baharu. Kaedah kerja kita pun seharusnya disesuaikan dengan iklim orang muda. Walaupun usia kita tua, kita mesti berjiwa muda. Kita perlu memahami aspirasi anak-anak muda. Hal yang sedemikian ini sangat penting untuk meneruskan kelangsungan DBP. Kita ada bahagian tertentu yang melibatkan kegiatan untuk golongan remaja, kanak-kanak, belia, dan pelbagai kaum.

Bukan orang Melayu sahaja yang menjadi tumpuan kita. Majalah kita pun ada pelbagai peringkat. Ada majalah untuk pelajar, remaja, dan golongan dewasa. Kita sesuaikan program dengan kehendak semasa. Sekarang ini sudah masuk era digital. Penerbitan kita sudah mula beranjak ke bentuk maya. Khidmat bahasa sudah mula ada dalam talian untuk memudahkan masyarakat dan sesuai dengan tuntutan dan keperluan zaman. Pun demikian, dalam masa yang sama juga, kita terus menerima pelanggan yang berkunjung ke Dewan Bahasa dan Pustaka secara bersemuka. Hal yang sedemikian masih kita amalkan sebab kita memahami bahawa ada orang yang memerlukan khidmat dalam talian dan ada yang lebih selesa untuk bersemuka.

Kita sudah jenamakan majalah dan kalau kita lihat, majalah kita sudah mengalami pelbagai perubahan dari segi kandungan dan bentuk persembahan. Kita boleh lihat adanya pembaharuan yang dibuat berdasarkan komen daripada pembaca dan generasi muda. Hal yang sedemikian inilah yang kita namakan sebagai penjenamaan baharu yang dilakukan sesuai dengan keperluan dan kehendak semasa. Kita akan terus melakukan perubahan dan melakukan penambahbaikan sebab kita memang sentiasa menekankan perkhidmatan yang terbaik dan mengikut kesesuaian semasa dan kehendak pelanggan. Oleh sebab itu, kita sentiasa memerlukan perubahan dan penjenamaan baharu supaya produk DBP ini diterima masyarakat. Bahasa merupakan satu aspek penting dalam kenidupan manusia. Semua manusia berbahasa. Maknanya kita memang tidak



boleh lari daripada tanggungjawab untuk membina bangsa yang ada identiti dan keperibadian sendiri. Bahasa menunjukkan bangsa, dan hal yang sedemikian itu yang selalu kita pegang.

DB: Baru-baru ini DBP telah melancarkan Pelan Tindakan Strategik 2016 – 2020. Terdapat 11 cabaran utama yang digariskan dalam Pelan Tindakan tersebut yang dilihat sebagai tembok yang perlu diruntuh bagi menjamin kejayaan pelaksanaan dasar, visi serta misi DBP. Apakah hal yang sedemikian ini mampu ditangani?

Pelan Tindakan Strategik, kalau dilihat secara umumnya, cuba untuk menyelesaikan semua masalah yang dihadapi oleh orang berbahasa Melayu. Kita memberikan tumpuan kepada hampir semua peringkat dan bidang. Misalnya, aspek yang kita tekankan seperti mengilmukan bahasa Melayu, melahirkan karyawan yang bermutu, memastikan penggunaan bahasa

kebangsaan yang baik dalam kalangan pegawai dan penjawat awam, dan menghasilkan penerbitan yang bermutu. Kita akan melibatkan pelbagai pihak dan semua kaum. Maknanya, kita bercita-cita tinggi dalam menzahirkan pelan yang kita rangka tersebut.

Kita yakin hal berkenaan boleh ditunaikan dan pelan ini merupakan janji kita kepada masyarakat. Kita merangka pelan ini kerana kita berasa hal yang sedemikian ini wajar kita lakukan dan berupaya untuk dilaksanakan. Adakah kita ada keupayaan? Ya, kita ada keupayaan tersebut. Memang terdapat halangan tertentu, seperti kekurangan staf dan sebagainya. Tetapi kita perlu ada strategi untuk menghadapi halangan tersebut. Tidak semua perkara boleh kita buat secara bersendirian. Suatu konsep yang perlu kita berikan perhatian ialah konsep kerjasama. Kita ada rakan dan sahabat yang baik dengan kita, seperti persatuan-persatuan penulis, munsyi dewan,



dan agensi-agensi kerajaan. Kita gerakkan kerjasama, bukan sahaja dari segi tenaga, tetapi kalau boleh, kita alu-alukan kerjasama dari segi pembiayaan program itu. Kita harus bertindak dengan cara dan strategi serta kaedah yang baharu. Selaras dengan perubahan semasa, kita juga perlu berubah. Hal yang sedemikian ini yang kita selalu ingatkan. Jangan sentiasa bernostalgia pada hal-hal yang lama. Kita tidak boleh lagi berkhayal dan mengimbau kisah-kisah kegemilangan kita pada waktu silam. Hal yang penting kita fikirkan ialah apa yang akan berlaku pada masa hadapan. Hal yang sedemikian ini yang mesti kita gerakkan dan patut kita fikirkan.

DB: Akhir sekali, apakah pandangan dan gagasan Datuk dalam kerangka menyemarakkan dan memeriahkan arena bahasa dan sastera kebangsaan agar DBP terus berada di hati masyarakat?

Pertama, kita mesti membuat program bermanfaat yang diperlukan oleh masyarakat. Kedua, program tersebut mestilah diminati oleh masyarakat. Perkara ini yang perlu kita berikan perhatian. Contohnya, kalau kita mengadakan acara baca puisi, kita mesti menjadikan acara baca puisi itu sesuatu yang menarik dan ditunggu-tunggu, bukannya perkara yang membosankan. Kita perlu menguruskan program dengan cara yang profesional yang membuatkan masyarakat selalu

mahu datang ke acara DBP. Kita tidak mahu apabila dia hadir ke majlis kita, maka itulah kali pertama dan kali terakhir dia datang. Jika mahu keadaan ini terus berlaku, kita memerlukan kreativiti. Kita mesti memberikan perhatian kepada unsur kreativiti dalam setiap aspek kerja. Bagaimana kita mahu membalas pengorbanan yang dibuat oleh seseorang yang hadir ke majlis kita? Jawapannya, kita mesti memastikan program yang dihadiri itu bermanfaat. Hal yang sedemikian ini satu cabaran. Kalau kita sendiri hadir ke majlis orang, kadang-kadang kita rasa tidak seronok, kita rasa membuang masa sahaja. Oleh sebab itu hal seumpama inilah yang perlu kita elakkan. Setiap program yang kita lakukan mesti dirancang dan diuruskan dengan baik sebab kita mahu memberikan imej yang baik terhadap program bahasa dan sastera. Apabila kita tidak menguruskan program bahasa dan sastera dengan baik, hal yang sedemikian ini juga akan mengundang pandangan tidak baik terhadap bahasa dan sastera juga.

Kita juga mesti memperluas aspek bahasa. Maksudnya, bahasa Melayu sesuai dan mampu digunakan untuk memerihalkan bidang perubatan dan kesihatan. Bahasa bukan sahaja untuk hal sastera dan tatabahasa sahaja. Penggunaan bahasa ini penting sebab hal yang sedemikian ini akan memastikan bahasa ini menjadi bahasa ilmu yang mencakupi bidang kejuruteraan, astronomi, nano teknologi, pertanian dan sebagainya. Kita berikan kesedaran kepada masyarakat bahawa inilah sebenarnya bahasa Melayu dan fungsi bahasa Melayu ialah untuk menjadikan seseorang itu berilmu dan berbudaya tinggi. Kita hendak buktikan bahawa bahasa Melayu ini boleh digunakan dalam pelbagai ranah atau bidang. **DB**